

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini bertujuan untuk memberikan anda maklumat yang penting mengenai insurans siber peribadi anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

**PACIFIC
INSURANCE**

A member of the Fairfax Group

Maklumat yang terkandung di dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah dari 1 Januari 2026.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah siji/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah Insurans Siber Peribadi?

Insurans Siber Peribadi memberikan pampasan sekiranya berlaku kerugian kewangan atau material yang timbul secara langsung daripada sebarang ancaman atau peristiwa siber yang tidak dijangka.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan bayaran sebanyak RM65.00 setahun (tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem yang berkenaan), anda akan mendapat perlindungan berikut:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini mengecualikan:
• Penipuan pindahan dana elektronik – sehingga RM2,500 • Penipuan runcit dalam talian – sehingga RM1,000 • Kecurian identiti – sehingga RM500 • Buli siber – sehingga RM3,000 • Perlindungan pembelian e-Dagang – sehingga RM1,000	• Keadaan tidak normal/keadaan kecemasan/serangan siber besar-besaran • Kecederaan badan • Aktiviti perniagaan • Penipuan keyakinan • Mata wang • Perbuatan tidak jujur • Kerugian tidak langsung atau berbangkit • Kegagalan infrastruktur • Kad plastik hilang atau dicuri <i>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian.</i>

Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai Insurans Siber Peribadi, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-2633 8999



Lawati laman sesawang kami di:
The Pacific Insurance Berhad



E-mel kami di:
customerservice@pacificinsurance.com.my

3. Ketahui Kewajipan Anda

Bagi Insurans Siber Peribadi ini, anda dikehendaki membayar premium sebanyak:

Perlindungan Standard	RM65.00 setahun
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM65.00 .	

Anda juga dikehendaki membayar kos dan caj berikut:

Duti Setem	RM10.00
Komisen	25% daripada premium atau RM16.25 (termasuk dalam jumlah premium)
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM5.20

4. Terma-terma penting yang lain

- Anda perlu memberikan maklumat yang lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.
- Anda perlu mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi anda.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada The Pacific Insurance Berhad tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan atau butiran peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Premium penuh mesti dibayar dan diterima oleh kami atau ejen berdaftar kami sebelum permulaan polisi.
- Polisi ini memberikan perlindungan di seluruh dunia.
- Kelayakan – Pada tarikh kuat kuasa perlindungan ini, Orang Yang Diinsuranskan mestilah:
 - (a) berumur 18 tahun dan ke atas;
 - (b) merupakan rakyat Malaysia.Jika tidak, anda mesti mendapatkan kelulusan sebelum membeli produk ini.
- Sekiranya berlaku tuntutan, atau anda mengetahui sebarang tindakan atau keadaan yang mungkin mengakibatkan kerugian, anda mesti memaklumkan The Pacific Insurance Berhad secepat mungkin. Adalah penting untuk anda menghubungi Talian Bantuan Pasukan Responden Insiden kami di +603-40657083 dan/atau e-mel mereka di customercare@dbglobal.co dalam masa 72 jam selepas anda mengetahui keadaannya, supaya panduan yang diperlukan dapat diberikan kepada anda tepat pada masanya. Jika tuntutan jelas, anda hendaklah membuat laporan polis secepat mungkin, sebaik-baiknya dalam masa 24 jam selepas penemuan tersebut.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, tetapi jika pembatalan adalah atas permintaan anda, bayaran balik 75% premium pro-rata bersamaan dengan tempoh belum tamat polisi ini perlu dibayar. Untuk ini, notis awal bertulis 7 hari diperlukan.

Jika pembatalan adalah berpunca daripada syarat khusus yang dinyatakan dalam polisi, di mana kami telah memulakan pembatalan dengan memberi anda sekurang-kurangnya 7 hari notis bertulis, maka kami akan membayar balik premium yang telah anda bayar dengan segera.

Jika anda mempunyai sebarang aduan, sila hubungi kami di:

Unit Pengawasan Aduan

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)
Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklum balas kami, anda boleh menghubungi pihak berikut:

- (a) **Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia**
Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 Borang Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK
- (b) **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**
Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur
Tel: +603-2272 2811 Laman Sesawang: www.fmos.org.my

Lampiran

Manfaat dan Premium

PERISTIWA YANG DIINSURANSKAN (yang anda dilindungi)	HAD PERLINDUNGAN (RM)
1.1 Penipuan Pindahan Dana Elektronik (membayar balik kepada anda untuk kerugian kewangan yang timbul secara langsung daripada peristiwa siber, yang pertama kali anda temui semasa tempoh polisi)	2,500
1.2 Penipuan Runcit dalam Talian (membayar balik kepada anda untuk kerugian kewangan yang timbul secara langsung daripada penipuan pasaran dalam talian dan akibatnya ketidakserahan, yang pertama kali anda temui semasa tempoh polisi)	1,000
1.3 Kecurian Identiti (membayar balik anda untuk mengenalpasti perbelanjaan kecurian yang timbul secara langsung daripada kecurian identity, yang pertama kali anda temui semasa tempoh polisi)	500
1.4 Buli Siber (membayar balik anda untuk perbelanjaan buli siber yang timbul secara langsung daripada buli siber yang pertama kali dibuat terhadap anda atas kapasiti peribadi semasa tempoh polisi)	3,000
1.5 Perlindungan Pembelian e-Dagang (membayar balik kepada anda untuk kerugian material yang timbul secara langsung daripada tidak dihantar, kerosakan tidak sengaja atau kecurian produk yang anda beli dalam talian semasa tempoh polisi)	1,000
Premium (Tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem yang berkenaan)	RM65.00